

SOALAN NO: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas gesaan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani supaya memboikot kenaikan harga barang oleh pemborong dan peruncit yang dilihat sebagai isu perkauman.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tersebut di media sosial sebenarnya bertujuan untuk menegur para peniaga yang enggan menurunkan harga barang walaupun harga minyak dan diesel telah turun.

Teguran yang dibuat oleh beliau ditujukan kepada semua peniaga dan bukan kepada peniaga kaum tertentu. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan terus membela dan menjaga kepentingan rakyat. Justeru dalam hal ini, Kerajaan mahukan para peniaga supaya bertimbang rasa dan bertanggungjawab dengan menurunkan harga barang dan perkhidmatan sejajar dengan penurunan harga minyak dan diesel agar tidak membebankan para pengguna.

Dalam hal ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani hanyalah memberi pandangan beliau terhadap isu harga barang yang tidak turun meskipun berlaku penurunan harga minyak melalui posting oleh pihak lain. Faedah dan manfaat dari penurunan harga akan dinikmati oleh semua kaum termasuk kaum cina, india, melayu dan lain-lain. Kerajaan telah menerima penjelasan daripada Menteri berkaitan, berhubung kenyataan beliau tersebut. Kerajaan juga ingin menegaskan supaya sebarang pertelingkahan yang boleh membawa kepada polarisasi kaum di negara ini tidak sepatutnya dipanjangkan dan haruslah dihentikan demi kepentingan bersama.

Sekian. Terima kasih.